

DBKL kenal pasti 25 lokasi banjir kilat di ibu negara

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah mengenal pasti 25 kawasan *hot spot* banjir kilat di ibu negara dalam usaha mencari jalan mengatasi masalah itu.

Menteri Pemba-
ngunan Kerajaan
Tempatan
Nga Kor
Ming

(gambar)

berkata,
beliau me-
minta
DBKL

memberi
perhatian
khusus dan ke-
utamaan terha-
dap projek tebatan
banjir dan kerja penyeleng-
garaan sistem perparitan
bagi mengatasi masalah
itu.

Beliau berkata, banjir ki-
lat satu masalah kronik
yang bukan sahaja merun-
singkan rakyat, malah men-
jejaskan imej Kuala Lum-
pur.

"Tindakan segera wajib
diambil khususnya ketika
musim tengkujuh yang se-

dang melanda negara kita,"
katanya dalam satu kenya-
taan selepas menerima
kunjungan hormat Datuk
Bandar Kuala Lumpur Da-
tuk Seri Mahadi Che Ngah di
pejabatnya di Putrajaya,
kelmarin.

Nga berkata,
dalam per-
temuan
itu, beliau
menga-
rahan
mesyua-
rat bula-
nan

memba-
bitkan Da-
tuk Bandar
dan Ahli-Ahli

Parlimen diadakan

bermula Januari bagi men-
cari jalan mengatasi masa-
lah yang timbul demi ke-
sejahteraan warga Kuala
Lumpur.

Katanya, keperluan DBKL
meningkatkan pencahaya-
an di Kuala Lumpur teru-
tamanya di kawasan tum-
puan pelancong seperti di
Bukit Bintang Walk, Peta-
ling Street dan KLCC juga
dibincangkan.

